

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
KHAMIS, 13 SAFAR 1447 BERSAMAAN 07 OGOS 2025**

PH04/02/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL266] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan adakah kerajaan mempertimbangkan untuk mengadaptasi model *Public-Private-Community Partnership* (PPCP) bagi projek berskala kecil dalam lima sektor keutamaan? Ini memandangkan usaha Brunei setakat ini dalam pelaksanaan model *Public-Private Partnership* (PPP) berskala besar yang saya ambil baik mengenai Program Fiscal Consolidation dan pengemaskinian garis panduan PPP.

- 2) **[PL281] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah pertimbangan Kementerian untuk melaksanakan “bulan bebas cukai” pada musim cuti dan *bonus* bulan Disember-Januari, yang berpotensi menyumbang kepada aliran keluar perbelanjaan, bagi barangan keperluan terpilih, dengan rebat cukai kepada pembeli (*ala tax rebate / tax refund*), agar harga tempatan lebih kompetitif dan memaksimumkan bonus mereka sambil membantu peniaga tempatan.

-
- 3) **[PL171] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pertimbangan Kementerian dalam memastikan dasar baharu yang mengenakan yuran perubatan kepada penduduk tetap yang mempunyai warganegara asing bermula 1 Julai 2025 dan sama ada perkara ini tidak akan menimbulkan jurang kesihatan dan beban kos kepada keluarga berpendapatan sederhana setelah pelaksanaan dasar tersebut.
- 4) **[PL148] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk mewujudkan satu pelan hala tuju pembiayaan kesihatan jangka panjang yang disokong dengan garis masa, mekanisme pemantauan, serta penglibatan pihak berkepentingan secara menyeluruh dalam memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kesihatan awam.
- 5) **[PL270] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mempromosikan kopi tempatan sebagai usaha untuk menjadikannya sebahagian daripada identiti nasional, meningkatkan permintaan domestik dan menggalakkan agropelancongan? Ini memandangkan Negara Brunei Darussalam terdapat lebih daripada 100 kedai kopi tempatan, sebuah ladang kopi yang dikenali di Kampong Labi, serta inisiatif *Brunei Coffee Trail*.
- 6) **[PL275] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan adakah ada pelan bersepadu Kementerian untuk memperhebat pelancongan domestik bersubsidi, memacu pertumbuhan ekonomi tempatan, memperkasa MSME tempatan, dan menjadikan tahun 2026/2027 sebagai pemangkin ekonomi, perpaduan masyarakat, dan kebanggaan negara, selaras dengan potensi aktiviti ekonomi menjelang Sambutan Hari Keputeraan ke-80 dan Sambutan Jubli Intan KDYMM menaiki takhta.

-
- 7) **[PL241] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah Bank Usahawan dapat membantu mengembangkan perniagaan belia dan setakat ini, berapakah bilangan pengusaha tempatan yang telah dihulurkan pinjaman oleh Bank ini? Dalam permuzakarah dengan YEAB dan DPPMB, kita kagum dengan peningkatan penglibatan belia tempatan yang menceburi bidang perniagaan. Namun, kesulitan utama dihadapi ialah kesukaran mendapatkan pinjaman kewangan bagi memulakan (*start-up*) dan mengembangkan perniagaan.
- 8) **[PL169] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian menilai keperluan untuk membangunkan inisiatif kebangsaan bagi memperluaskan infrastruktur rantai dingin (*cold chain*), termasuk galakan kepada pelabur tempatan untuk menyertai pembangunan kemudahan penyimpanan dan pengangkutan makanan segar di seluruh negara?
- 9) **[PL198] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah Kementerian mempunyai pelan tindakan bagi penubuhan ejen dan perunding *FDI* untuk merealisasikan Zon Ekonomi Dua Hala (BS-SEZ) antara Kuala Belait dan Kuala Baram demi memaksimumkan manfaat ekonomi bersama Brunei dan Sarawak? Perkara ini telah dibangkitkan semasa lawatan Ahli Parlimen Miri ke Majlis Mesyuarat Negara pada Januari 2025.
- 10) **[PL199] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apa perancangan Kementerian bagi menetapkan KPI yang menilai impak sebenar bantuan kepada *MSMEs* seperti kadar *survival* lima tahun, penciptaan pekerjaan dan capaian pasaran? Adakah ada laporan berkala untuk menilai kelangsungan dan keberkesanan sokongan *MSMEs* tempatan yang disediakan dan diberigakan?

-
- 11) **[PL279] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memastikan pemohon warga emas yang masih menunggu kelulusan kewarganegaraan yang berpendapatan rendah dapat menerima rawatan tanpa menanggung beban kewangan? Ini mengambilkira kenaikan yuran perubatan ke atas bukan warganegara Brunei Darussalam dan penangguhan rawatan para warga emas boleh meningkatkan tekanan terhadap sistem kesihatan awam kelak.
- 12) **[PL184] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan bagaimanakah kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam menangani keselamatan makanan? Adakah negara mempunyai inventori makanan yang mencukupi bagi keterjaminan keselamatan makanan khususnya dalam menghadapi cabaran dalam perdagangan serta kekhuatiran akan terputusnya *supply chain* pembekalan makanan.
- 13) **[PL237] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peratus pekerja tempatan yang terkesan semasa proses pelaksanaan '*downsizing exercise*' syarikat-syarikat di negara ini? Bagaimanakah agensi-agensi berkepentingan bekerjasama memantau '*safety-net*' pekerja ini? Adakah inisiatif latihan/peningkatan kemahiran disediakan untuk mengelakkan impak berpanjangan terhadap kehidupan, sosioekonomi dan kekeluargaan mereka?
- 14) **[PL234] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan adakah terdapat perancangan Bank Pusat (BDCB) untuk mengemaskinikan peraturan yang mengawal Institusi Kewangan, khususnya yang dapat merangsang lagi aktiviti ekonomi, meningkatkan tahap pelaburan domestik, membantu pertumbuhan PMKS tempatan, membuka lebih peluang pekerjaan serta meringankan beban pembayaran bagi para peminjam? Ini memandangkan sektor perbankan salah satu pemangkin ke arah menjana pertumbuhan ekonomi mampan.

-
- 15) **[PL236] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan adakah BDCB telah/akan mengeluarkan garis panduan bagi mengawal harga premium agar berpatutan dan *affordable*; memastikan *policy coverage* memenuhi keperluan *policyholders*; dan memantau kesannya terhadap kos perniagaan terutamanya mengambil kira keperluan bagi insurans perubatan bagi penduduk tetap dan pekerja asing? Adakah Kerajaan juga merancang skim perlindungan universal untuk pemegang kad hijau, termasuk pelajar antarabangsa, melalui visa berkaitan?
- 16) **[PL188] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bagaimanakah pendirian Kementerian mengenai integrasi platform *Government Vendor Portal* (GVP) dengan *Bruneian Made* untuk mengoptimumkan keberkesanannya dan cadangan penubuhan satu *dashboard* pemantauan pembelian agensi, untuk memastikan vendor dan usahawan tempatan diberikan keutamaan dalam pembelian yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan sebagai langkah penting memperkukuh ekonomi nasional yang mampan dan berdaya saing?
- 17) **[PL232] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan dipohonkan bagi pencerahan mengenai Laporan JPES bagi Q1 2025 merekodkan pertumbuhan KDNK -1.8%, yang hampir kesemua pertumbuhan sektor bukan minyak telah terjejas. Apakah penyebab sebenar kemerosotan pertumbuhan ini dan apakah langkah strategik untuk mengekalkan trajektori pertumbuhan positif?
- 18) **[PL283] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai dasar mandatori, mekanisme pemilihan utama kepada pekerja tempatan serta bagaimana cara pemantauan, penempatan semula bagi melindungi kesinambungan kerjaya tenaga kerja tempatan dalam sektor ini? Baru-baru ini, banyak syarikat melepas pekerja dalam industri minyak dan gas, apakah dasar semasa bagi memastikan pekerja tempatan yang berpengalaman dan berkemahiran diberi keutamaan berbanding ekspatriat dalam proses "*right sizing*"?

-
- 19) **[PL146] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memperkenalkan silibus kebangsaan yang merangkumi literasi kewangan dan pengurusan sumber yang komprehensif, dengan tumpuan kepada pembentukan tabiat berbelanja berhemah, pengurusan hutang secara bertanggungjawab dan pemerkasaan kewangan jangka panjang dalam kalangan pelajar sejak peringkat awal?
- 20) **[PL190] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah langkah Kementerian memastikan penggunaan produk dan perkhidmatan *MSMEs* sebagai dasar tetap dalam acara-acara rasmi kerajaan dan swasta? Ini meliputi aspek seperti katering, cenderahati, dan pakaian persembahan. Pelaksanaannya juga disarankan kepada Kedutaan dan Perwakilan Brunei di luar negara, bagi meningkatkan pertumbuhan, memperkukuh aliran tunai, peluang pekerjaan dan penjenamaan produk tempatan di pasaran global.
- 21) **[PL254] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan Kalendar Acara Tahunan Brunei (*Brunei Year Event Calendar*) yang menyenaraikan acara-acara rasmi yang dianjurkan di setiap daerah sepanjang tahun sebagai tujuan mempromosi industri pelancongan tempatan di peringkat domestik dan antarabangsa?
- 22) **[PL197] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengadakan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan klausa pampasan serta tindakan pentadbiran terhadap kementerian yang gagal menyelesaikan aduan dan juga mengadakan sistem bayaran pendahuluan dengan kawalan akauntabiliti yang ketat bagi membantu pengusaha mengurus kos permulaan dan memastikan kelangsungan aliran tunai?

-
- 23) **[PL282] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauh manakah Program Konsolidasi Fiskal mengaudit aset kerajaan seperti rumah sewa dan harta benda yang diurus oleh pelbagai kementerian? Adakah Kementerian mempunyai pelan inventori yang menyeluruh untuk mengenalpasti jika terdapat pertindihan dan potensi penjimatan? Bilakah laporan penilaian akan dikongsi?
- 24) **[PL218] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah pendekatan yang diimplementasikan bagi membantu dan mengembangmajukan perniagaan yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan? Adakah juga terdapat *success stories* yang boleh dikongsi yang berpunca daripada sumbangan bank yang signifikan ke atas perkembangan sektor *MSMEs* negara? Memandangkan kalangan peniaga-peniaga *MSMEs*; khususnya, *start-up business* golongan belia-belia, sukar untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada Bank Usahawan.
- 25) **[PL189] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bilakah Kementerian akan menetapkan syarat bagi tender-tender berkompleksiti rendah dan sederhana, seperti perkhidmatan pengangkutan sekolah dan pembekalan seragam kerja, untuk dianugerahkan hanya kepada syarikat milik sah yang dioperasikan sepenuhnya oleh warganegara Brunei? Dicadangkan juga penubuhan satu Majlis Tetap untuk memantau pemilikan dan pengoperasian sebenar, pematuhan syarat, dan melaksanakan penguatkuasaan dan tindakan terhadap pelanggaran?

-
- 26) **[PL223] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan pihak berautoriti dalam memastikan kontraktor mematuhi "*Safe Working on Roads, Health, Safety and Environment Manual 2012*"? Ini memandangkan terdapat kebimbangan keselamatan di zon kerja sementara (*Temporary Work Zones*) akibat ketidak patuhan kontraktor terhadap langkah-langkah keselamatan yang mungkin mendatangkan risiko kemalangan dan kemudaratan di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.
- 27) **[PL278] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menyusun semula pelaksanaan projek mega RKN12 kepada pakej lebih kecil bagi kelangsungan perniagaan tempatan? Di samping ini apa perancangan bagi mewajibkan kuota subkontrak, menggalakkan usahasama, dan melaksanakan pemantauan telus untuk memperkukuh penyertaan kontraktor tempatan secara sistematik dan mampan?
- 28) **[PL152] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian menilai keperluan untuk memperkenalkan satu pendekatan yang lebih menyeluruh dan berasaskan impak dalam merancang serta menilai projek infrastruktur berskala kecil di kawasan daerah, agar peruntukan awam yang disalurkan benar-benar memberi nilai tambah kepada keperluan asas dan mengangkat taraf kehidupan penduduk setempat?
- 29) **[PL216] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi menjadikan Hutan Rekreasi Pulau Selirong sebagai tarikan pelancong domestik dan antarabangsa, selaras dengan matlamat pemuliharaan dan prinsip pelancongan lestari melalui kerjasama agensi pemasaran dan pelancongan untuk menaikkan taraf hutan tersebut dengan peruntukan BND\$1.58 juta di bawah RKN12?

- 30) **[PL244]** : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha kerajaan untuk memastikan peniaga dan pengusaha tempatan dalam sektor makanan dan minuman, pertanian, dan agrikulturan dapat mengembangkan produk mereka ke peringkat global, memandangkan banyak produk berkualiti sudah ada di pasaran tempatan, di samping melihat kejayaan negara lain yang mensubsidi syarikat mereka untuk tujuan tersebut?
- 31) **[PL210]** : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauh manakah pencapaian dan perkembangan pembangunan perusahaan tempatan telah dicatatkan setakat ini memandangkan banyak syarikat telah menerima sokongan, termasuk dalam pertumbuhan pendapatan, keuntungan, kelangsungan syarikat, kebolehpasaran luar negara serta peluang pekerjaan?

3. USUL BILANGAN No. 1

USUL WAWASAN BRUNEI 2035 [SAMBUNGAN]

***“MENJUNJUNG** titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Dewan ini perlu meneliti cadangan dan idea yang dikemukakan dengan mengambil kira emerging issues di peringkat global, untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.*

***MENYEDARI** bahawa Wawasan Brunei 2035 diterbitkan melalui Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang pada tahun 2004 bagi merancang pembangunan negara dalam tempoh 30 tahun ke hadapan. Hanya tinggal 10 tahun bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.*

***MEMPERAKUI** bahawa usaha-usaha mengukuhkan pelaksanaan strategik dan pelan-pelan tindakan menjurus kepada mencapai Matlamat-Matlamat Utama Wawasan dijalankan melalui Manpower Blueprint bagi Matlamat Pertama yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP); Social Blueprint bagi Matlamat Kedua yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS); dan Economic Blueprint bagi Matlamat Ketiga yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.*

MEMAHAMI bahawa keadaan dunia sangat sukar diramal dan negara juga tidak terkecuali dari menghadapi kesan-kesan global seperti konflik geopolitik dan situasi ekonomi tidak menentu. Kesan ini mencabar pelaksanaan Wawasan Brunei.

BAHAWA dalam memastikan Negara Brunei Darussalam akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Majlis ini mengusulkan bagi tindakan dan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara bagi merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.”

4. USUL BILANGAN No.2

USUL KETETAPAN BERKENAAN SENARAI PERINTAH YANG DIBUAT DI BAWAH PERKARA 83(3) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II akan mencadangkan :

“BAHAWA Majlis Mesyuarat Negara membuat ketetapan menurut perkara 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, pada mana tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah perkara 83 (3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam adalah masing-masing mulai dari tarikh perintah-perintah dibuat dan senarai perintah-perintah diluluskan”

5. USUL BILANGAN No.3

USUL PENANGGUHAN

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam akan mencadangkan :

“BAHAWA berdasarkan Peraturan Mesyuarat Bilangan 35 (1), semua urusan Mesyuarat telahpun selesai dilaksanakan dan mencadangkan bagi Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

6. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- 1) **[PT087] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan adakah Kementerian ada mempertimbangkan bagi mengadakan kerjasama dengan perkhidmatan pengangkutan untuk menawarkan insentif lawatan bandar yang singkat bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menarik pelancong transit? Ini adalah bagi mengetengahkan tarikan utama dan menggalakkan tempoh persinggahan yang lebih lama?
- 2) **[PT050] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah pemantauan terhadap kerosakan jalan kecil yang digunakan oleh pemaju semasa dan selepas pelaksanaan projek pembangunan? Ini memandangkan terdapat aduan penduduk sering timbul dan keadaan ini menjejaskan kesejahteraan serta penyelesaian mereka.
- 3) **[PT053] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berapakah jumlah kos penyelenggaraan kerosakan dan pembaikan di kawasan perumahan awam dalam tempoh 5 tahun kebelakangan? Apakah penambahbaikan sistem pemantauan aduan pengguna yang sedang dan akan dilaksanakan?
- 4) **[PT058] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah kerja-kerja menurap dan membaiki jalan raya akan meliputi semua jalan-jalan utama daerah memandangkan pihak Kementerian giat melakukan pembaik pulih? Ini mengambil kira atas usaha gigih Kementerian dalam menurap jalan jalan raya utama, termasuk jua penanaman pokok di sepanjang beberapa jalan lebuh raya pada masa ini.
- 5) **[PT059] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perkembangan dalam menimbang kaedah baru pembiayaan Skim Perumahan Negara seperti PPP? Jika masih belum ada, adakah Kementerian akan berupaya meneruskan pembinaan rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan Skim Perumahan Rakyat Jati memandangkan senarai pemohon semakin bertambah.

-
- 6) **[PT060] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah bayaran akan dikenakan ke atas kenderaan luar negara memandangkan kos penyelenggaraan rutin Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien dan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mencecah BND300,000 dan BND50,000 setahun? Ini adalah untuk menyokong kelestarian fiskal, menampung kos penyelenggaraan, dan memperkukuh keterhubungan serantau secara mampan.
- 7) **[PT070] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berapakah jumlah rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang telah dikembalikan kepada kerajaan kerana tiada pewaris, apakah tindakan kementerian untuk mengendalikan isu ini?
- 8) **[PT071] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan Skim Perumahan Negara yang masih menunggu kelulusan setakat tarikh terkini, mengambil kira peranan program dalam membantu rakyat memiliki rumah sendiri?
- 9) **[PT072] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan bolehkah pihak Kementerian menjelaskan usaha menyediakan panduan ejaan Jawi yang seragam dan mudah diakses, memandangkan pindaan atau penolakan permohonan papan tanda bukan sahaja melambatkan kelulusan tetapi juga menambah kos kepada pemilik perniagaan?
- 10) **[PT091] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah langkah konkrit untuk memperkukuh sistem amaran awal banjir setempat bagi kawasan yang kerap mengalami banjir, termasuk pemasangan sensor paras air, sistem amaran SMS dan siren, pemetaan risiko banjir terperinci, serta latihan kesiapsiagaan komuniti bagi meningkatkan keberkesanan mitigasi banjir secara menyeluruh?
- 11) **[PT054] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kadar penyertaan pelajar dalam program TVET pertanian dan agro-makanan, serta kadar sebenar penempatan pekerjaan selepas tamat pengajian, tidak termasuk penempatan sementara seperti program perintisan?